

Merzani disoal siasat

B. Harian (M)

29 AUG 1989

SKUAD silat Brunei ditimpa 'malang' semalam apabila seorang pesilatnya ditahan oleh pegawai keselamatan kerana membaling tin minuman ke gelanggang, manakala seorang lagi dikejarkan ke hospital kerana patah jari tangan kiri.

Pesilat lelaki Kelas A, Merzani Ramli, ditahan kerana berkelakuan liar apabila membaling tin minuman ke gelanggang.

Tindakan itu diambil sebagai memban-tah keputusan wasit kerana menghukum Samahani Yusoff yang sering keluar daripada medan pertarungan.

Merzani yang berada di tempat duduk peserta, secara tiba-tiba membaling tin berisi air ke gelanggang, tetapi tidak mengenai sesiapa.

Berikutan itu, pegawai keselamatan menahan Merzani untuk soal siasat.

Sementara itu pesilat wanita Kelas E, Masskinah Mahmood dikejar ke Hospital Kajang, untuk mendapat rawatan lanjut berikutan jari tengah tangan kirinya patah.

Pesilat Brunei yang jelas menguasai perlawanan ke atas, Waode Hanifa dari Indonesia terpaksa mengaku kalah sebelum tamat pusingan ketiga.

Berikutan itu, Waode akan bertemu Zaleha Suradi di perlawanan akhir, esok.

Kecederaan itu menimpa sewaktu Masskinah cuba menangkis sepakan lawan. Bagaimanapun, dia hanya dirawat sebagai pesakit luar sahaja.

Pesilat Brunei patah jari hantu

29 AUG 1989

SEORANG pesilat wanita dari Brunei dikejarkan ke Hospital Besar di sini selepas jari tengah tangan kirinya patah ketika bertarung dalam perlawanan separuh akhir Sukan SEA XV, di Kompleks Sukan Petronas, petang semalam.

Bagaimanapun, Masskinah Mahmood diberi rawatan pesakit luar.

Kejadian itu berlaku pada pusingan ketiga acara Kelas E wanita yang juga merupakan acara terakhir hari ini, antara Masskinah dan Waode Hanifa dari Indonesia untuk menentukan pemenang yang akan bertemu dengan Zaleha Suradi dari Malaysia pada peringkat akhir pada Rabu ini.

Masskinah, yang sedang menguasai perlawanan, cuba menangkis satu sepakan daripada lawan apabila kejadian itu berlaku. Beliau dirawat oleh pegawai perubatan yang bertugas di tempat pertandingan dan kemudian dibawa dengan ambulans ke hospital.

Dalam perlawanan separuh akhir

hari ini, keempat-empat pesilat Malaysia melayakkan diri ke peringkat akhir dalam acara masing-masing.

Pertandingan akhir akan menyaksikan tujuh pesilat Malaysia, termasuk dua wanita, selepas tiga lagi melayakkan diri terdahulu daripada itu.

Mereka ialah Zaleha Suradi dan Haslina Shaharuddin dalam bahagian wanita dan Ruzaidi Abdul Rahman, Ahmad Khusairi, Wan Aminuddin Baki, Azam Abas dan Mohd Azam Mukhtar dalam bahagian lelaki.

Wan Aminuddin dengan mudah melayakkan diri dalam Kelas G kerana pencabarnya, Samahani Mohd Yusof dari Brunei langsung tidak dapat menandingi kecekapannya.

Perlawanan antara Mohd Azam Mukhtar dan Mohd Jamharun dari Indonesia dalam Kelas Terbuka lelaki merupakan perlawanan yang paling menarik kerana kedua-dua pesilat mempamerkan persembahan yang cemerlang. — Bernama.